



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM MINI KARNIVAL SANTUNI MADANI KKR 2024 JULUNG KALI DIADAKAN DI KUBANG SEMANG, PENANG

BUKIT MARTAJAM, PULAU PINANG - YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini telah merasmikan Mini Karnival bersempena inisiatif Program Satu Pemimpin Satu Kampung (1P1K) yang telah dijenamakan sebagai Program Santuni MADANI di sekitar Masjid Jamek Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Program ini merupakan ilham dari YAB Perdana Menteri dan telah mula dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

2. Program Santuni MADANI ini menyediakan ruang bagi pemimpin untuk menyantuni masyarakat secara akar umbi dalam mengenal pasti keperluan sosioekonomi sesebuah kampung melalui pemantauan dan libat urus secara langsung dengan jawatankuasa dan penduduk kampung. Kampung Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang ini menjadi pilihan kerana ia merupakan kampung kelahiran YBhg. Dato' Seri Azman, Ketua Setiausaha KKR.

3. Program Mini Karnival Santuni MADANI anjuran ICU JPM telah merintis beberapa projek seperti pemasangan lampu jalan di Mukim 20 dan Mukim lima (5) di Kampung Kubang Semang dan kerja-kerja menaik taraf kolah wudhu, tandas OKU dan tandas lelaki di Masjid Kubang Semang.

4. Mini Karnival Santuni MADANI KKR kali ini telah mengumpulkan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah sukaneka rakyat bersama penduduk kampung, pameran fungsi dan perkhidmatan Agensi Kerajaan, Jualan Rahmah Madani bergerak dan kenduri rakyat.

5. Sumbangan berjumlah RM20,000 telah disalurkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di bawah KKR kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kubang Semang bagi membaik pulih Pejabat MPKK, rumah-rumah penduduk kampung yang daif serta perkhidmatan servis penghawa dingin SMK Penanti.

6. Kerja-kerja membaik pulih ini dilaksanakan oleh Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara di bawah CIDB, yang akan memastikan semua proses pembaikan dilakukan dengan piawaian tinggi dan mengikut jadual yang ditetapkan. ABM juga akan menggunakan tenaga kerja mahir dan pelatih yang berpengalaman bagi memastikan projek ini berjaya dan berkualiti.

7. Program Santuni MADANI KKR ini dijangka menjadi platform dua hala untuk rakyat mengetahui inisiatif-inisiatif kerajaan dan bagaimana mereka boleh menikmati manfaat dari inisiatif-inisiatif Kerajaan secara terus. Ia juga akan menjadi salah satu saluran untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mereka terhadap kerajaan dengan lebih efektif ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang bersatu padu, inklusif, berdaya cipta, mampan dan sejahtera.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
30 NOVEMBER 2024